



KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KoBPM) BERHAD

ATURAN TABUNG PRIHATIN KELUARGA KoBPM (TPKK)

1.0 TAJUK

- 1.1 Aturan ini dinamakan Aturan Tabung Prihatin Keluarga KoBPM (TPKK).
- 1.2 Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 9(1)(b) dan (9)(4) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) ini dan pengesahan Ketua Pendaftar.

2.0 TAFSIRAN

- 2.1 Di dalam aturan ini melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan berlainan maknanya maka tafsiran berikut adalah dipakai.
- 2.2 "Akta" ini ertinya Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan koperasi 1995 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa.
- 2.3 "KoBPM" bermaksud Koperasi Bank Pertanian Malaysia Berhad.
- 2.4 "Anggota Lembaga Koperasi" (ALK) adalah lembaga koperasi yang dilantik mengikut Undang-Undang Kecil Koperasi ini.
- 2.5 "Anggota" bermaksud seseorang yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan koperasi dan seorang yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan dan undang-undang kecil ini selepas pendaftaran, sebagaimana yang ditakrif menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.
- 2.6 "Suami/isteri" maknanya suami atau isteri Anggota Koperasi ini yang sah di sisi undang-undang.
- 2.7 "Anak" maknanya anak Anggota Koperasi yang sah di sisi undang-undang. Hak kelayakan umur bagi anak yang layak untuk mendapat kemudahan ini adalah sehingga 25 tahun sekiranya masih belajar dan/atau di dalam tanggungan keluarga/Anggota kecuali anak 'OKU'.
- 2.8 "Anak OKU" atau anak istimewa di dalam konteks di atas 2.7 adalah anak yang masih di dalam tanggungan Anggota selama hayatnya dan tidak mampu untuk menyara diri sendiri.
- 2.9 "Waris Anggota" adalah anak/pasangan atau individu yang diakui mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Anggota dan sah disisi undang-undang.

- 2.10 "Penama" adalah individu yang namanya didaftarkan oleh Anggota KoBPM sebagai wakil/pentadbir di dalam sistem keanggotaan KoBPM sekiranya Anggota meninggal dunia.
- 2.11 "Pemohon" adalah Anggota, waris Anggota atau penama yang didaftar di dalam sistem keanggotaan KoBPM yang memohon sumbangan Tabung ini.
- 2.12 "Modal Yuran" bermaksud jumlah wang yang disumbangkan oleh seseorang anggota pada selang masa yang ditetapkan berkenaan dengan keanggotaannya dalam Koperasi ini dan tidak boleh dikeluarkan kecuali menurut syarat yang ditetapkan dalam undang-undang kecil atau apabila tamat keanggotaannya sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.
- 2.13 "Modal Syer" bermakna bahagian di dalam modal syer Koperasi ini yang disumbangkan oleh seseorang Anggota berkenaan dengan keanggotaannya di dalam Koperasi ini, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Seksyen 2 Akta. Setiap Anggota hendaklah melanggan RM2,000.00 (Ringgit: Dua Ribu) syer sebagai sumbangan minimum yang hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang dinyatakan.
- 2.14 "Dividen" bermakna bahagian keuntungan sesuatu koperai yang dibahagikan di kalangan anggota-anggotanya mengikut kadar modal syer atau modal yuran yang dipegang oleh mereka sepertimana Akta.
- 2.15 "Khairat kematian" bermakna sumbangan kebajikan berkonsep tabarak yang dikumpul daripada pencarum/Anggota atau sumbangan Koperasi yang diberikan kepada waris Anggota atau pasangan/anak Anggota yang meninggal dunia.
- 2.16 "TKA" adalah Tabung Kebajikan dan Pelajaran Anggota KoBPM.
- 2.17 "Tabung" adalah bermaksud Tabung Prihatin Keluarga KoBPM atau TPKK.
- 2.18 "JPPA" adalah singkatan nama Jawatankuasa Pembiayaan dan Perkhidmatan Anggota.
- 2.19 "MAT" adalah singkatan kepada Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KoBPM.

3.0 TUJUAN

- 3.1 Tujuan Tabung ini diwujudkan ialah untuk membantu meringankan beban kewangan dan perbelanjaan mengurus kematian Anggota atau pasangan/anak Anggota sama ada yang beragama Islam atau pun bukan Islam
- 3.2 Tabung ini juga akan digunakan untuk lain-lain kebajikan Anggota yang boleh memberi manfaat kepada Anggota dan ahli keluarga Anggota yang ditimpa kesusahan atau malapetaka yang mana jumlahnya akan ditentukan oleh pihak ALK KoBPM dari semasa ke semasa.
- 3.3 Tabung ini adalah satu Tabung tambahan bagi tujuan menambah baik sumbangan khairat sedia ada.

4.0 PUNCA KEWANGAN

- 4.1 Punca kewangan ialah melalui caruman potongan dividen Anggota sebanyak **RM60** setiap Anggota yang layak berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan.
- 4.2 Caruman potongan dividen ini sebanyak **RM60** ini akan berkuatkuasa setiap tahun dan ditentukan oleh ALK sekiranya perlu dihentikan atau ditangguh sementara pada suatu-suatu masa berdasarkan saiz Tabung yang terkumpul.
- 4.3 Kadar caruman potongan dividen Anggota ini boleh di pinda dengan mendapat kelulusan ALK dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan Tabung sekiranya di dapati jumlah Tabung yang disediakan tidak dapat menampung jumlah atau saiz perbelanjaan yang perlu dikeluarkan dari tahun ke tahun.

5.0 PENTADBIRAN TABUNG

- 5.1 Tabung ini hendaklah ditadbir oleh JPPA yang dilantik oleh ALK di bawah Undang-undang Kecil 45(2)(w).
- 5.2 Hal ehwal urus tadbir dan kuasa yang diperuntukan oleh ALK sepertimana termaktub di dalam terma dan syarat JPPA adalah terpakai.

6.0 TAHUN KEWANGAN

Tahun kewangan Tabung ini hendaklah bermula pada 1 Mei dan berakhir pada 30 April tiap-tiap tahun.

7.0 PELABURAN

- 7.1 Jika ada lebih dana dari Tabung ini, ALK boleh membenarkan dana dilaburkan pada mana-mana aktiviti yang difikirkan sesuai yang menguntungkan KoBPM.
- 7.2 Apa-apa hasil dari pelaburan ini hendaklah dimasukkan semula ke dalam Tabung ini untuk digunakan bagi maksud dan tujuan-tujuan Tabung atau dilaburkan semula bagi menambahkan dana Tabung ini.

8.0 KELAYAKAN

Anggota yang mendapat dividen sekurang-kurangnya **RM100** dan mencarum potongan dividen sebanyak **RM60** dari jumlah dividen beliau layak mendapat tambahan sumbangan dari Tabung ini.

9.0 PERMOHONAN

- 9.1 Semua permohonan untuk mendapatkan sumbangan Tabung ini hendaklah dibuat melalui borang rasmi yang disediakan KoBPM.
- 9.2 Permohonan hendaklah disertakan dengan bukti/dokumen yang sah seperti mana dinyatakan dalam Borang Permohonan.

10.0 KADAR SUMBANGAN KHAIRAT

10.1 Rujuk Jadual dibawah:

	KATEGORI	TKA* (RM)	TPKK (RM)	JUMLAH (RM)
1	Kematian Anggota	2,000.00	3,000.00	5,000.00
2	Kematian Pasangan/Anak Anggota	400.00	600.00	1,000.00

** Anggota yang tidak layak mencarum TPKK, layak menerima sumbangan khairat dari TKA untuk dua-dua kategori*

- 10.2 Hanya Anggota yang mencarum potongan dividen sebanyak RM60 sahaja layak mendapat sumbangan khairat dari Tabung sekiranya berlaku kematian berdasarkan kedua-dua kategori sepertimana jadual diatas.
- 10.3 Bagi yang tidak layak mencarum, Anggota hanya layak mendapat sumbangan khairat TKA sahaja berdasarkan kedua-dua kategori kematian sepertimana jadual diatas.

11.0 MEMPROSES PERMOHONAN

- 11.1 Borang permohonan yang diterima dari Anggota atau waris Anggota akan diproses oleh Unit Keanggotaan dan seterusnya diluluskan oleh JPPA.
- 11.2 Borang permohonan hendaklah lengkap dengan dokumen lampiran yang diperlukan untuk pengesahan oleh Unit Keanggotaan dan kelulusan JPPA.

12.0 PEMBAYARAN

- 12.1 Pembayaran hendaklah dibuat secara terus dan dikreditkan ke akaun Anggota atau waris Anggota yang dinyatakan di dalam borang permohonan. Pembayaran akan dilakukan setelah boucher pembayaran disemak dan disahkan oleh pihak kewangan KoBPM.
- 12.2 Pembayaran hendaklah dibuat berdasarkan dokumen sokongan yang telah disahkan oleh pihak-pihak berkaitan serta sah mengenai butiran permohonan tersebut.

13.0 REKOD

Rekod dan borang permohonan serta kelulusan JPPA/ALK hendaklah dikemaskini dan disimpan dalam Fail Peribadi Keanggotaan dan diuruskan oleh Unit Keanggotaan KoBPM.

14.0 AUDIT

Akaun Tabung ini hendaklah di audit bersekali dengan akaun Koperasi sekurang-kurangnya setahun sekali.

15.0 PERAKAUNAN

Setiap bulan satu laporan lengkap berkaitan dengan perbelanjaan serta apa-apa aktiviti yang berkaitan Tabung ini hendaklah disediakan oleh Unit Keanggotaan dan dilaporkan dalam mesyuarat JPPA dan ALK.

16.0 HAK DAN KUASA

Hendaklah semata-mata dan sentiasa berada di dalam kuasa ALK, tanpa memberi sebab-sebab untuk memutuskan sesuatu perkara mengenai peraturan Tabung ini.


17.0 PEMBATALAN ATURAN DAN PEKELILING

Dengan kelulusan dan penerimaan pakai aturan ini melalui MAT maka segala aturan dan arahan serta pekeling sekiranya ada, adalah terbatal.

18.0 PERTIKAIAN


Jika berbangkit sebarang perselisihan faham di atas tafsiran peraturan ini atyau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujukkan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengikut Undang-undang Kecil 87(1).

Peraturan ini telah diterima dan dipersetujui di dalam MAT KoBPM Kali Ke ___ pada ___ Oktober 2022.



b/p Pengerusi

AHMAD AJAMUDDIN
AMAN



Anggota Lembaga

JAMA LUEN MAHPODZ



Anggota Lembaga

BAKHTIAR APPENDEE
ISMAIL

CARTA ALIR

TANGGUNGJAWAB	PROSES	MASA	DOKUMEN
ANGGOTA / WARIS ANGGOTA	<p style="text-align: center;"> </p>	1 hari	Borang Permohonan TPKK
KERANI KEANGGOTAAN/ PEN EKS KEANGGOTAAN	<p style="text-align: center;"> </p>	30 minit	Borang Permohonan/ Dokumen terlampir/ Memo Pembayaran/ SISKOP
PEG EKS KEWANGAN/ PENGURUS KEWANGAN	<p style="text-align: center;"> </p>	10 minit	Memo Pembayaran
KERANI KEWANGAN/ PEN EKS KEWANGAN	<p style="text-align: center;"> </p>	30 minit	Memo Pembayaran/ Boucer Pembayaran/ UBS
PEG EKS KEWANGAN/ PENGURUS KEWANGAN /PENGURUS BESAR	<p style="text-align: center;"> </p>	30 minit	Boucer Pembayaran/ Agronet
KERANI KEANGGOTAAN/ PEN EKS KEANGGOTAAN	<p style="text-align: center;"> </p>	5 minit	Boucer pembayaran
KERANI KEANGGOTAAN/ PEN EKS KEANGGOTAAN	<p style="text-align: center;"> </p> <p style="text-align: center;"> </p>	1 bulan	Laporan Tabung Keluarga (TPKK) Bulanan Prihatin KoBPM